

CNS4012

U GB 08-30 00172 BH482.

bah

MAHATHIR CADANG MESYUARAT MENGENAI SELAT MELAKA

M a h a t h i r - S e l a t

I

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peraturan mengenai penggunaan Selat Melaka telah lapuk dan mencadangkan satu mesyuarat antara negara-negara persisiran bagi merombaknya.

Perdana Menteri berkata peraturan itu perlu dikaji semula agar ia benar-benar melindungi kepentingan Singapura, Indonesia, Malaysia dan juga Thailand, kerana laluan di selat itu semakin sesak.

+Saya berpendapat masanya telah tiba bagi kita membincangkan masalah ini. Masanya juga wajar untuk menggubal peraturan baru mengenai selat itu dan laluan laut lain yang ada kaitan dengan kita, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres ASEAN yang pertama, anjuran ASEAN dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di sini.

+Kita bimbang kerana tidak ada undang-undang terhadap kapal yang melalui selat yang sempit itu, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia terpaksa memikul beban (akibat tumpahan minyak dari kapal Nagasaki Spirit yang terlibat dalam pelanggaran di perairan Indonesia) bukan kerana kesilapannya tetapi disebabkan pihak lain.

--

Lagi

▼08/10/15-22MST

CNS4027

U GB 08-10 00137 RH483

b a h

Mahathir-Selat. 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mesyuarat di antara negara-negara persisiran itu tidak seharusnya terhad kepada penggunaan Selat Melaka tetapi juga laluan lain yang ada kaitan dengan mereka.

+Kita diberitahu yang kita tidak berhak mengutip tol semata-mata kerana Selat Melaka ialah laluan antarabangsa (seperti) yang diisytihar di zaman kuasa-kuasa maritim berada di tempat lain.

+Keadaan telah berubah dan dunia tidak boleh sewenang-wenangnya menantut ianya hak mereka tetapi enggan mengeluarkan belanja untuk penyenggaraannya, kata Perdana Menteri,

Menurut beliau, satu bentuk bayaran perlu dibuat kepada pihak yang bertanggungjawab menentukan selat itu sentiasa dibuka dan mengurangkan bahaya yang dibawa oleh kapal-kapal.

Itulah sebabnya Malaysia mencadangkan agar peraturan baru dibuat untuk menjaga kepentingan negara-negara persisiran.

+Apa yang kita hadapi, turut dihadapi yang lain, kata Dr Mahathir. -- Bernama

▼08/10/15-38MST